

Stok semasa beras mencukupi

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

STOK semasa beras mengambil kira pengeluaran tempatan dan import adalah stabil, terkawal dan konsisten bagi menampung keperluan dalam negara yang berterusan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, secara keseluruhan bekalan barang keperluan mencukupi dan mampu menampung permintaan semasa.



GAMBAR hiasan. FOTO Asyraf Hamzah

Katanya, penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga sudah membuat pemantaun harian 25 jenis bekalan di 1,203 pemeriksaan premis perniagaan termasuk peruncit (925), pemborong (247) dan pengilang (31).

"MOA juga memberi jaminan selain beras, barang makanan basah seperti sayur-sayuran juga lebih daripada mencukupi.

“Oleh itu, orang ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian kerana ia dijamin mencukupi.

“Barang segar pula kami dapatkan bukan tidak mencukupi malah berlebihan. Oleh itu, walaupun bulan puasa akan menjelang dari segi soal keperluan asas orang ramai tidak perlu bimbang kerana ia lebih daripada mencukupi,” katanya pada sidang media di Putrajaya, hari ini.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569051/stok-semasa-beras-mencukupi-metrotv>

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 20 April 2020 @ 4:09 PM

